

16/07/2001

Hari ini dan 20 tahun lalu

Mior Kamarul Shahid

APAKAH ukuran 20 kilometer? Ada orang mengatakan ia adalah perjalanan yang singkat dan tidak kurang pula mengatakan bahawa ia terlalu jauh. Bagi pejalan kaki atau penunggang basikal, ia mungkin satu jarak yang jauh untuk memulakan perjalanan. Jarak itu akan dirasakan lebih jauh jika ia perjalanan mendaki bukit atau gunung. Bagi mereka yang biasa berjoging atau jaguh marathun, 20 kilometer adalah jarak yang sederhana jauhnya. Sebaliknya, bagi mereka yang menunggang motosikal atau memandu motokar, ia adalah perjalanan yang agak singkat. Dalam tempoh 20 minit, mereka sudah sampai ke tempat yang ditujui. Dalam pembangunan jalan dan lebuh raya yang pesat hari ini, jarak antara satu tempat dengan tempat lain, tidak lagi menimbulkan banyak persoalan. Hari ini orang bercakap mengenai berapa minit atau berapa jam perjalanan dari satu tempat ke tempat lain, tidak lagi bertanyakan berapa kilometer perjalanan dari satu destinasi ke destinasi yang hendak ditujui.

Bagaimana pula ukuran 20 tahun? Ada yang mengatakan ia satu tempoh yang singkat dan ada pula yang berkata ia adalah satu tempoh yang terlalu panjang. Ia juga satu persoalan subjektif. Bagi yang hidup bebas, mereka mungkin berasakan tempoh itu pendek berbanding kehidupan banduan yang berasakan sehari bagaikan setahun. Begitu juga dengan keadaan orang yang terlantar sakit dan terpaksa tinggal di rumah semata-mata, ia adalah satu tempoh yang azab.

Sebenarnya, ukuran singkat atau panjangnya sesuatu tempoh terletak kepada pencapaian seseorang individu. Ia juga bergantung kepada fungsi yang dimainkan kepada diri, masyarakat atau negara. Jika ia seorang pemain bola sepak untuk negara, tujuh tahun sudah dianggap terlalu lama tetapi jika ia seorang pemimpin negara yang berjaya, 20 tahun pun masih dianggap singkat, apatah lagi jika masih banyak kemajuan yang perlu dibawa untuk kepentingan agama, bangsa dan negara.

Apakah penilaian pencapaian seseorang yang lahir 20 tahun lalu atau 20 tahun selepas dia dilahirkan? Kalau dilahirkan 20 tahun lalu tetapi hari ini dia masih menganggur setelah gagal peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), tempoh yang dilaluinya bukan saja panjang tetapi sia-sia. Sebaliknya, jika dia sekarang berada di menara gading dan sedang menunggu peluang untuk melanjutkan pelajaran ke luar negara, tempoh yang panjang itu digunakan dengan sebaik-baiknya.

Jika dalam tempoh 20 tahun lalu, seseorang itu menjawat jawatan kerani dan hari ini dia masih memegang jawatan yang sama atau naik setingkat lagi menjadi ketua kerani, dia tidak membuat banyak perubahan kepada dirinya. Tempoh 20 tahun itu adalah terlalu panjang baginya untuk berada pada tahap yang sama. Sebaliknya, jika dulu kerani tetapi dalam tempoh 20 tahun dia sudah membuka perusahaan sendiri dan kini bergelar usahawan, dia dianggap berjaya memanfaatkan tempoh itu. Menilai jarak waktu perlu dikaitkan dengan sesuatu kejayaan. Ia mesti dikaitkan dengan kemajuan diri. Hanya individu boleh menilai kejayaan mereka dalam satu jangka masa tertentu.

Apakah pula ukuran kejayaan negara dalam tempoh 20 tahun? Pendek atau panjangnya kejayaan negara dalam tempoh berkenaan bukan saja bergantung kepada kemajuan pembangunan fizikal tetapi mencakupi taraf hidup rakyat. Sekiranya dalam tempoh berkenaan, tidak ada pembangunan fizikal yang jelas dan rakyat terus berbasikal ke merata tempat sebagaimana wujud di beberapa negara lain, ia dengan sendirinya menunjukkan bahawa tempoh yang panjang itu tidak membawa sebarang makna. Sebaliknya, jika segala pembangunan

infrastruktur sudah boleh dianggap lengkap serba-serbi dan kehidupan rakyat mewah, dalam tempoh yang pendek itu, banyak kemajuan negara dilaksanakan.

Hari ini, genap 20 tahun Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menerajui pentadbiran negara. Apakah ia satu jangka masa yang panjang atau pendek? Ramai yang bersetuju jika dikatakan ia adalah satu jangka masa yang pendek. Ini berasaskan kepada kemajuan begitu pesat yang dibawanya berbanding negara lain, malah Singapura sekali pun. Singapura 20 tahun dulu dan sekarang adalah sama. Tetapi, Kuala Lumpur 20 tahun lalu dan hari ini berubah wajah sama sekali, begitu juga di tempat-tempat lain di seluruh negara. Di kampung-kampung juga ternyata berlaku perubahan pesat, tidak sesunyi dulu. Kemajuan negara di bawah kepemimpinan Dr Mahathir sudah pun banyak dibincangkan dan rasanya tidak perlu diceritakan kerana ia diiktiraf di seluruh dunia.

(END)